



UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

**MAKLUMBALAS BERHUBUNG LAPORAN MEDIA “IKAN MUNGKIN
TIDAK HALAL” OLEH BEBERAPA AKHBAR TEMPATAN**

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengalu-alukan maklumat dari pihak Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berhubung terdapat ikan ternakan yang diberikan makanan berasaskan babi.
2. Namun begitu, DOF percaya kes tersebut adalah kes terpencil.
3. DOF sentiasa melaksanakan **pemantauan halal** kepada ikan dan hasil ikan sejak tahun 2010 lagi. Pemantauan ini dijalankan secara berkala bagi mengesan kehadiran DNA Porsin (Porcine ID) ke atas produk perikanan seluruh negara. Analisa ini dibuat di makmal Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur dan Bintawa, Sarawak. Antara produk yang dianalisa adalah ikan, makanan ikan dan tepung ikan.
4. Melalui pemantauan sepanjang tahun 2016, 2017 dan 2018, sebanyak 846 sampel telah diambil. Hanya 4.9 peratus sampel sahaja yang dikesan positif mengandungi DNA Porsin iaitu dari makanan ikan.
5. Bagi menangani masalah tersebut, syarikat pembekal makanan ikan berkenaan telah diambil **tindakan serta merta** dengan menukarkan ramuan utama (protein) kepada sumber yang halal.
6. Akta Makanan Haiwan 2009, secara jelas memperuntukan di bawah Peraturan Pelabelan yang mengkehendaki setiap pengeluar makanan ternakan untuk melabelkan kandungan ramuan di dalam makanan ternakan yang mereka keluarkan. Kegagalan mematuhi ataupun menipu

kandungan ramuan di bawah Peraturan Pelabelan berkenaan dikenakan **tindakan keras**.

7. Sebagai maklumat tambahan, perbincangan bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Halal-Hub JAKIM) telah memutuskan isu halal hanyalah dihadkan kepada barangan makanan dan barangan kegunaan peribadi sahaja **tidak dikembangkan ke atas haiwan** kerana hukum halal dan larangan haram hanya terpakai kepada manusia sahaja. Selain daripada itu, penyelidikan yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung mendapati ikan yang diberikan makanan tidak halal berupaya **menyucikan badan mereka 72 jam** setelah melalui proses istihala (pengasingan – tidak diberikan makan).

8. Sehingga kini sebanyak 390 penternak ikan telah dipersijilkan di bawah Skim Pensijilan Pertanian Akuakultur (myGAP-Akuakultur) manakala sebanyak 17 buah kilang makanan ikan dan 12 stor penyimpanan makanan ikan telah turut dipersijilkan di bawah skim Pensijilan Kualiti Ikan. Kedua-dua skim pensijilan ini **menitikberatkan persoalan Halal** di dalam piawaian pensijilan berkenaan. Kegagalan untuk pemohon patuh kepada keperluan halal akan mengakibatkan **sijil mereka ditarik balik** dan diumumkan kepada pengguna awam.

9. DOF berharap agar pihak yang berkaitan tidak membuat dakwaan tanpa disertakan maklumat yang lebih terperinci kerana kesannya akan mengakibatkan kecelaruan di kalangan pengguna dan boleh menjejaskan aktiviti penternak ikan lain yang menjalankan aktiviti ternakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

###

Kenyataan Media ini disiarkan oleh:-

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

23 Februari 2019 (Sabtu) jam 10.00 pagi